

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[ SIBUTI – BN ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 27)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) sejauh manakah penglibatan belia Sarawak terhadap program belia yang diperkenalkan oleh Kementerian untuk pembangunan belia berkenaan; dan
- (b) adakah dana-dana pembangunan belia seperti Dana Belia 1MDB disertai oleh belia Sarawak dan berapakah jumlah penyertaan memuaskan.

**SULIT**

**JAWAPAN (a)**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan belia Sarawak terhadap program belia yang diperkenalkan oleh Kementerian untuk pembangunan belia berkenaan adalah sangat menggalakkan. Ini dapat dibuktikan dengan pencapaian penyertaan belia Sarawak dalam program yang dilaksanakan dari tahun 2012 hingga 2014 iaitu seramai 218,283 penyertaan. Pencapaian ini menunjukkan bahawa program anjuran Kementerian masih relevan dan menepati citarasa belia dan akan berusaha untuk menambahbaik pendekatan dan pelaksanaan program pembangunan belia dari semasa ke semasa.

**JAWAPAN (b)**

Dana Belia merupakan salah satu program di bawah Yayasan1MDB. Program ini telah disertai oleh belia yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun dan telah mendapat penglibatan yang meluas di seluruh Negara, di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. Dana Belia 1MDB yang diperkenalkan di bawah Yayasan 1MDB adalah untuk menggalakkan golongan belia Negara supaya turut serta dalam pembangunan Malaysia secara menyeluruh dengan melakukan pelbagai aktiviti yang menyokong pembangunan kemahiran individu serta memupuk persefahaman antara masyarakat berbilang etnik dan gaya hidup, samada melalui pemeliharaan alam sekitar, menggunakan kreativiti atau memupuk sifat kepimpinan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[ PENAMPANG ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (RABU)**

**SOALAN : 28**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- a) apakah kesimpulan yang diperoleh daripada laporan siasatan kemalangan kapal terbang yang terhempas pada 6hb Jun 1976 di mana pemimpin-pemimpin utama Kerajaan Sabah seperti Tun Fuad Stephens, Datuk Salleh Sulong, Datuk Peter Mojuntin, Datuk Chong Thain Vun, dan lain terbunuh; dan
- b) sama ada laporan siasatan itu boleh diperoleh oleh awam

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara ini telah beberapa kali dibentangkan di Parlimen di antaranya pada Oktober 1976 dan Disember 2009. Kementerian ini sekali lagi menegaskan bahawa penyiasatan yang dilakukan oleh pihak Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan dibantu oleh pihak Penyiasat Australia ketika itu mendapati :

1. Tiada unsur-unsur jenayah atau sabotaj berlaku mengakibatkan kemalangan tersebut.
2. Tiada kecuaiian mekanikal berlaku. Semakan ke atas rekod-rekod penyelenggaraan pesawat mendapati ia telah dilakukan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pihak DCA dan piawaian yang diguna pakai pada waktu tersebut iaitu *Air Navigation Order 1953* (ANO 1953).
3. Keadaan cuaca ketika tragedi itu juga adalah baik.

Sehubungan itu, pihak penyiasat telah menjuruskan penyiasatan kepada aspek kecuaiian manusia (*human error*) dan keupayaan pesawat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI  
ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7161**

**SOALAN:**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah terkini Kementerian dalam menentukan keselamatan tahanan polis daripada menjadi mangsa penderaan dan seksaan semasa dalam tahanan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan yang menyebabkan kecederaan atau menyebabkan kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya oleh Kementerian akan diambil sama ada dari sudut Tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

**Statistik tahanan mati dalam lokap Polis pada tahun 2009 sehingga 2014 (Ogos) mengikut punca kematian seperti berikut:-**

<b>STATISTIK TAHANAN MATI DALAM LOKAP DAN JAGAAN POLIS MENGIKUT PUNCA KEMATIAN BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2014 (SEPTEMBER)</b>								
<b>BIL</b>	<b>PUNCA KEMATIAN</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>JUM</b>
1	HIV					1	1	2
2	SAKIT ASMA	1						1
3	SAKIT JANTUNG		3	1	2	1	1	8
4	LAIN-LAIN PENYAKIT ( USUS, HATI, KUNING, ULSER, PARU-PARU, KERONGKONG )	3	5	15	13	15	12	63
5	GANTUNG DIRI	2	1	1	4	2		10
6	DI CEDERA KAN POLIS	1				1		2
<b>JUMLAH</b>		<b>7</b>	<b>9</b>	<b>17</b>	<b>19</b>	<b>20</b>	<b>14</b>	<b>86</b>

Bagi mengatasi kematian dalam lokap, pihak PDRM telah menyemak semula *Standard Operation Procedure (SOP)* yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baru di antaranya:-

- a) Memastikan borang pengesahan penyakit/ kecederaan hendaklah diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri.
- b) Orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit yang berisiko tinggi kepada tahanan lain hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain.
- c) Lawatan oleh pihak SUHAKAM. Lawatan pihak SUHAKAM adalah untuk menentukan tahanan yang ditahan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa.
- d) Orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada ianya merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang "habitual"; tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak.
- e) Pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan dari Kementerian Kesihatan.

- f) Semua lokap PDRM akan dilengkapi dengan CCTV bagi tujuan memantau pergerakan dan rakaman bagi memastikan orang tahanan dan pegawai polis yang bertugas dapat dipantau sepenuhnya sepanjang masa.**

**Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-langkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima oleh semua pihak dan sekali gus dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan.**